

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia  
Tarikh : 26/01/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 7  
Tajuk : Sasar koperasi RM55 bilion

## Sasar koperasi RM55 bilion

**KUALA LUMPUR 25 Jan.** – Kementerian Pembangunan Usahawan menyasarkan koperasi berdaftar seluruh negara akan menghasilkan perolehan RM55 bilion menjelang 2020.

Menterinya, Datuk Seri Mohd. Redzuan Md. Yusof (**gambar**) berkata, sasaran itu mampu dicapai sekiranya koperasi berdaftar mempelbagaikan lagi skop pendapatan kepada beberapa bidang lain seperti pertanian dan logistik.

“Koperasi mempunyai asas yang kuat. Kalau kita lihat di seluruh dunia, gerakan koperasi ini menjadi penyumbang utama untuk membangunkan ekonomi negara melalui sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

“Angkasa perlu memainkan peranan mendedahkan ahlin-

ya kepada pelbagai sektor perusahaan yang lain bagi membolehkan perkara ini dicapai” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan amanat kepada pemimpin koperasi dan merasmikan pelancaran portal MyAzZahra di Auditorium Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Timbalannya, Datuk Kamaruddin Ismail.

Sistem MyAzZahra adalah berasaskan *block chain* dan analitik data besar dan akan menggabungkan enjin penafaran kredit dalaman berdasarkan kecerdasan buatan (AI) disediakan oleh Orion IXL Berhad.



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA